



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (27 SEPTEMBER 2021) - Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal (CC) berasa dukacita dengan keputusan Kerajaan untuk mengemukakan rayuan dan memfailkan permohonan untuk menangguhkan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung pemberian kewarganegaraan secara automatik kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan warga asing - kes Suriani Kempe. Keputusan Mahkamah itu bahkan telah disokong oleh lima orang menteri, iaitu dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK); Jabatan Perdana Menteri (Parlimen & Undang-Undang); Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM); dan Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, Sarawak (KWKPK).

Menteri Dalam Negeri telah menyatakan di Parlimen, akan hasrat Kerajaan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan (PP). Walau bagaimanapun, dalam satu kenyataan media beliau berikutnya, beliau telah menyatakan bahawa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dibuat bagi mengelakkan Kerajaan dari dikaitkan dengan tindakan menghina Mahkamah, serta demi mematuhi peruntukan PP. Kementerian juga mengatakan bahawa keputusan kes Suriani Kempe adalah bertentangan dengan keputusan kes Mahisha Sulaiha pada tahun 2020 dan keputusan Mahkamah Persekutuan berkenaan kes CTEB (Chan Tai Ern Bermillo) yang diputuskan pada awal tahun ini. Di dalam kenyataan media yang sama juga, adalah difahami bahawa Peguam Negara akan menghadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) berhubung perkara ini.

CC bagaimanapun berpandangan bahawa hujah yang dikemukakan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah tidak kukuh kerana:

- i. Mahkamah Tinggi adalah tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang lain;
- ii. Kes CTEB mesti dibezakan dengan kes Suriani Kempe, kerana CTEB adalah berkenaan anak tidak sah taraf yang mana ibunya adalah warganegara asing, yang kemudiannya telah disahartarakan oleh perkahwinan terkemudian bapa kandung dan ibunya;
- iii. Berhubung isu Hakim Mahkamah Tinggi di dalam kes Suriani Kempe yang dikatakan telah meminda PP, ia adalah tidak relevan untuk dipertikaikan, memandangkan seorang Hakim adalah berhak untuk menafsirkan peruntukan undang-undang, termasuk PP, agar keadilan dapat ditegakkan.

Hakim tersebut bahkan telah mentafsirkan Perkara 8 (2) PP yang dilihat bertentangan dengan Perkara 14 (1) (b). Dengan tidak memfailkan rayuan dan sebaliknya memilih untuk menguatkuasakan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut (Suriani Kempe), pihak Kerajaan akan dilihat telah mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak berdasarkan Perkara 3 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), serta menamatkan penafian hak para ibu dan anak-anak mereka kepada kewarganegaraan, yang telah menderita dalam tempoh yang cukup lama. Isu ini juga telah dibahas di Parlimen di mana ramai ahli parlimen juga telah menyokong keputusan Mahkamah Tinggi baru-baru ini (Suriani Kempe), dan telah mendesak Kerajaan untuk tidak meneruskan rayuan.

“Hak Asasi Untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600



CC mengulangi bahawa sememangnya terdapat isu diskriminasi gender yang jelas berhubung kewarganegaraan dalam peruntukan di bawah Perkara 14 (1) (b) PP, kepada kanak-kanak yang lahir di luar negara oleh ibunya yang berwarganegara Malaysia dan ayah berwarganegara asing. CC akur bahawa setiap pindaan pada PP memerlukan persetujuan dari Majlis Raja-Raja berlandaskan Perkara 159 (5) PP. Walaubagaimanapun, itu tidak sewajarnya menjadi alasan untuk menangguhkan pindaan tersebut, kerana setiap kelewatan akhirnya akan menyebabkan penindasan berterusan terhadap hak-hak wanita ini dan memanjangkan penderitaan dalam kalangan anak-anak mereka. CC memohon kepada pihak Kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri khususnya, untuk mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan berdasarkan Perkara 14 dan 15 PP, agar pihak-pihak yang terlibat tidak perlu membawa permohonan mereka ke muka pengadilan sehingga PP dipinda.

-TAMAT-

Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Pesuruhjaya Kanak-Kanak
27 September 2021

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my